

Samih rangkul empat anugerah

► Sempena 4th Caielts 2019

UB 2-8-2019 4

LABUAN: Guru Prasekolah di Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang (SKLT), Samih Kukung telah merangkul empat anugerah di The 4th International Creativity and Innovation Exhibition & Language Teaching Seminar (4th Caielts) 2019, baru-baru ini.

Empat anugerah tersebut ialah Gold Medal Exhibitor (Velcro Smart Board Innovation), Gold Medal Presenter, Judge's Choice Award, dan Educational Innovation Influencer.

Antara tujuan program tersebut diadakan adalah untuk meraikan penglibatan dalam dunia pendidikan di platform global dan meningkatkan usaha sekolah meningkatkan kualiti pedagogi melalui perkongsian amalan baik pembentangan kertas kerja serta pameran produk kreatif dan inovatif oleh guru-guru dalam dan luar Labuan.

Menurut Samih, menyertai pertandingan ini juga memberikan pengetahuan dan juga penambahan perkongsian ilmu dalam mencari penyelesaian untuk menghadapi cabaran-cabaran yang dihadapi selain memberikan ruang kepada setiap guru satu platform



SAMIH memegang trofi International School Awards.

untuk berkolaboratif dalam menjadi model profesional yang positif pendekatan sekolah dalam menjadi contoh yang boleh dijadikan sumber rujukan daripada semua peserta yang hadir bersama.

“Menerusi program tersebut telah menyediakan peluang yang luas untuk peserta dan sekolah berkongsi semua amalan terbaik dari semua aspek,” katanya ketika ditemui selepas majlis itu.

Sebelum ini, penglibatan dan sumbangan penyertaan Samih di peringkat antarabangsa adalah menerima anugerah Best Preschool of The Year dan Innovation in Education Award di India baru-baru ini.

Manakala di peringkat kebangsaan pula, beliau memberikan sumbangan dalam 32 bidang, membentangkan empat inovasi dalam memenangi Anugerah Guru Inovatif Kebangsaan dan



SAMIH (tiga kanan) menerima anugerah daripada Louren sambil diperhatikan Mohd Nizam (kiri) dan Dr Hyginus (dua kanan).

juga Guru Ikon pada tahun 2016 dan 2017.

Beliau juga penerima Judge's Choice Award dalam kategori Pengajaran Bahasa dan menerima Anugerah Khas iaitu Educational Innovation Influencer.

Samih berkata, pertandingan itu satu pengalaman baru buatnya kerana bersama dengan peserta-peserta berkongsi dengan pelbagai sumbangan inovasi dalam pelbagai bidang dan juga pencapaian dalam menja-

dikan sekolah sebagai institusi lubuk ilmu kemenjadian murid dan sebagainya.

“Saya merasa bertuah dengan adanya sokongan Guru Besar SKLT Haji Adam Abdul Rahim, Roslan Mohamad (PK Pentadbiran), Sunah Tahir (PK HEM) dan Joe Helmy (PK Kokum), keluarga, rakan guru prasekolah iaitu Rosnah Rajak, Nurmi Anuar dan pembantu pengurusan murid Norilah Tahir, Aminah Junir dan Rosneza Osman

dalam mencipta kejayaan sehingga merangkul empat anugerah yang juga sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama yang padu,” katanya penuh bangga.

Pengalaman mengajar selama 14 tahun, membolehkan beliau meraih 30 anugerah di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa antaranya Anugerah Kecemerlangan Prasekolah.

Samih sekarang sedang dalam pengajian menghabiskan Ijazah Kedoktorannya

di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Majlis penutupan dan penyampaian anugerah disempurnakan oleh Pegawai SIP+ Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Louren Abon yang mewakili Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Raisin Saidin.

Turuthadir Pengetua SMK Mutiara Mohd Nizam Yasim dan Pengerusi Pengeloa Caielts Dr. Hyginus Lester Junior Lee.